

05/05/2002

Calon kerusi Putrajaya tidak semestinya dari Selangor

SHAH ALAM: Calon bagi kerusi Parlimen Putrajaya tidak semestinya dari kalangan pemimpin negeri Selangor, sebaliknya mengambil kira calon yang benar-benar sesuai dan layak.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata calon bagi kerusi berkenaan akan ditentukan berdasarkan kriteria biasa dalam pemilihan calon Ahli Parlimen.

"Kita tak kira pemimpin dari mana, asalkan dia calon yang sesuai. Kriterianya juga adalah macam biasa saja, boleh bertutur kata, cukup pancaindera," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Hari Pekerja 2002 anjuran Kementerian Sumber Manusia, di Stadium Melawati di sini semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai kemungkinan calon bagi kerusi Putrajaya adalah dari kalangan pemimpin negeri Selangor.

Sebelum ini, beliau pernah mengumumkan bahawa Putrajaya dijangka mempunyai lebih daripada seorang Ahli Parlimen apabila jumlah penduduknya meningkat kepada 350,000 orang pada masa akan datang.

Bagaimanapun, buat permulaan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu akan diwakili seorang Ahli Parlimen apabila kerusi baru itu diwujudkan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Mengenai cadangan Pas meletakkan calon wanita di kerusi berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Dia bubuhlah siapa pun. Itu dia punya hal kerana calon dia."

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir turut berharap Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) akan mendapat hak pendaratan harian di Paris.

Bagaimanapun, beliau menegaskan rundingan mengenai hak pendaratan itu tidak ada kaitan dengan pembelian kapal selam.

Sementara itu, dengan bertemakan K-Pekerja Peneraju Menghadapi Cabaran Globalisasi, sambutan Hari Pekerja tahun ini dihadiri kira-kira 8,000 kakitangan awam dan swasta.

Dr Fong dalam ucapannya berkata, perhimpunan itu adalah bagi memupuk perpaduan dan keharmonian perusahaan di kalangan pekerja, majikan dan kerajaan, dengan berlandaskan semangat kerjasama serta bertolak ansur.

Beliau berkata, kerajaan berpuas hati dengan perhubungan antara pekerja dan majikan dan dalam hubungan triparti ini, kementerian akan memastikan kepentingan pekerja dan majikan di negara ini mendapat perlindungan khususnya pada peringkat antarabangsa.

Di perhimpunan itu, Dr Mahathir turut menyampai 11 kategori anugerah kementerian berkenaan kepada para pemenang. Anugerah Tokoh Pekerja (Lelaki) disandang oleh Ghazali Omar sementara Tokoh Pekerja (Wanita), Ashikin Ariffin.

Bagi Tokoh Pekerja Orang Kurang Upaya (Wanita), disandang Naziaty Mohd Yacob dan Tokoh Pekerja Orang Kurang Upaya (Lelaki), Cheong Sun Weng.

Anugerah lain adalah Anugerah Majikan Prihatin kategori industri besar (Malaysia Shipyard & Engineering); Anugerah Majikan Prihatin kategori industri kecil dan sederhana (Adampark Graphic Sdn Bhd); Anugerah Ladang Bahagia (Pamoi Estate Sabah); Anugerah Majikan Penjana K-Pekerja kategori industri besar (SKF Bearing Industries M Sdn Bhd); Anugerah Majikan Penjana K-Pekerja kategori industri kecil dan sederhana (Syarikat Salmi Tamin Sdn Bhd); Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh kategori swasta (Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia) dan Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh kategori awam (Kesatuan Sekerja Awam Angkatan Tentera Malaysia).

( END )